

CERAMAH BERSIRI



"Latent TB Infection (LTBI)"

oleh

Dr Shailesh Hedge Divakar
Pegawai Perubatan
Pusat TB Kebangsaan

9 April 2015



"Occupational Health Nursing"

oleh

Dyg Zarinah binti Jumat
Jururawat
Bahagian Kesihatan Cara Kerja

7 Mei 2015



"Sudahkah Dayang
mendapatkan perjanjian
Ujian Pap"

oleh

Dyg Aini Bangau
Jururawat Kesihatan
Klinik Kesihatan Sg Hanching

14 Mei 2015



"Apa yang perlu awda
ketahui tentang Diabetis"

oleh

Haji Zamri Bin Jamil
Jururawat (Pengajar Diabetis).
Pusat Kesihatan Muara

28 Mei 2015

—————
Semua ceramah akan diadakan pada:

Jam
3.00 petang

Tempat
Pusat CME

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
(Aras 6, Kondominium Ong Sum Ping)

—————
**Semua pegawai
dan
kakitangan JPK
di alu-alukan hadir**

PANDUAN MENYEDIAKAN TPOR

FORMAT

- TPOR yang disediakan hendaklah jenis berjedual.
- Tajuk yang digunakan di dalam jadual ialah Jenis Perkhidmatan dan TPOR.
- TPOR perlu disediakan oleh setiap bahagian di dalam jabatan

TEMPOH MASA

- Tempoh masa yang disediakan hendaklah spesifik dan tidak mempunyai jurang (gap).
- Tempoh penyelesaian mestilah menunjukkan tempoh kerja yang dikendalikan.
- Tempoh masa hendaklah diseragamkan kepada hari (hari bekerja) dan bukannya minggu / bulan / tahun (minit dan jam dibolehkan).

AYAT

- Pengolahan ayat hendaklah jelas dan mudah difahami serta tidak tergantung.
- lanya mestilah bermaksud proses kerja yang dikendalikan, seperti 'Menyediakan Kertas Kerja' dan 'Memproses Permohonan Cuti Tahunan'.
- Gunakan ayat kerja seperti 'menyediakan', 'meneliti' dan 'memproses'.
- Elakkan dari menggunakan ayat-ayat yang tidak menyakinkan.

PROMOSI

- TPOR hendaklah dipamerkan di tempat yang strategik dan mudah dilihat oleh pelanggan, seperti di ruang menunggu dan ruang legar.
- TPOR perlu dipromosikan mengikut bahagian / unit masing-masing.
- TPOR yang dipamerkan perlulah jelas dilihat dari jarak **sepuluh kaki** dan saiz sukatan font yang digunakan adalah **sekurang-kurangnya bersamaan dengan Arial size 50** (tiada dikhususkan jenis font yang digunakan asalkan ianya bersamaan dengan Arial size 50).
- Ada baiknya TPOR disebarluaskan melalui kaedah lain selain mempamerkan di tempat-tempat strategik jabatan, seperti melalui laman web jabatan, risalah, radio dan televisyen.

LAIN-LAIN

- Syarat-syarat (jika ada) mestilah dipamerkan berdekatan dengan TPOR.
- Penyediaan TPOR perlulah memberi keutamaan kepada 'core business' atau perkhidmatan utama.
- Piawai TPOR yang disediakan hendaklah bagi perkhidmatan yang dikendalikan di dalam jabatan sahaja. Bagaimanapun, jika perkhidmatan yang disediakan memerlukan penglibatan jabatan lain, ada baiknya perundingan dibuat dengan jabatan-jabatan terlibat bagi menentukan piawai yang bersesuaian bagi keseluruhan perkhidmatan.
- Penyediaan dokumen TPOR hendaklah memfokus TPOR sahaja.
- Menyatakan tekad seperti 'Dengan bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, jabatan ini berjanji untuk memberikan perkhidmatan yang mesra pelanggan, bertimbang rasa, cekap, tepat, berkualiti dan selamat dalam menyampaikan perkhidmatan yang dikehendaki'.
- Tempoh masa TPOR perlu diteliti / diperbaiki dari semasa ke semasa selaras dengan peningkatan keupayaan jabatan.
- Sistem pemulihan perkhidmatan perlu disediakan dan sistem maklumbalas pelanggan perlu diwujudkan.

Rujukan: Risalah 'Panduan Menyediakan TPOR' keluaran Jabatan Perkhidmatan Pengurusan'

Hubungi Kami

**Unit Kualiti, Dasar,
Penyelidikan
dan Perkembangan
Pejabat Ketua Pengarah
Perkhidmatan Kesihatan**

Tel
2381640 Sambungan
7641/7940/7733

Fax
2382032

Emel
health.quality@moh.gov.bn

Sidang Editorial

Penasihat

Pg Dr Hj Md Khalifah Pg Hj Ismail (khalifah.ismail@moh.gov.bn)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

Ketua Editor

Dr Haji Azlan Haji Jaludin (azlan.jaludin@moh.gov.bn)
Ketua Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan

Kumpulan Editor

Hajah Dayang Jamilah Hj Awang Sulaiman (jamilah.sulaiman@moh.gov.bn)
Pegawai Jururawat Tingkat Khas
Awang Mohd Rahmat Awang Abdul Hamid (rahmat.hamid@moh.gov.bn)
Pegawai Perangkaan

Hajah Nuriah Hj Shari

(nuriah.shari@moh.gov.bn)
Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II

Md Hafiz Hj Ibrahim

(hafiz.ibrahim@moh.gov.bn)
Atendan Kesihatan

Sumber

Perkhidmatan Saintifik
Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat
Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar

NADI KESIHATAN

Buletin Jabatan Perkhidmatan Kesihatan - Terbitan Kelima

APRIL - MEI 2015

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Program Pemeriksaan Kesihatan

"Pengenalan Program Pemeriksaan Kesihatan di pusat-pusat kesihatan merupakan satu pendekatan yang akan mengukuhkan lagi peranan perkhidmatan penjagaan kesihatan di peringkat asasi sebagai *gatekeeper* khususnya dalam kita bersama-sama mengesan awal akan penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit seperti tekanan darah tinggi, kencing manis, jantung serta pengesanan faktor-faktor risiko kepada penyakit seperti tahap kolestrol tinggi, kandungan gula dalam darah dan masalah kegemukan (berat badan berlebihan dan obesiti) di kalangan masyarakat di Negara ini."

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERIA SETIA HAJI MD YUSOF, MENTERI KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN DI PUSAT-PUSAT KESIHATAN DAN PERASMIAAN KLINIK CARA HIDUP SIHAT, PUSAT KESIHATAN SUNGAI LIANG, PADA 1 REJAB 1434 BERSAMAAN 11 MEI 2013.

DARI MEJA KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN KESIHATAN (DGHS)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera kepada semua Warga Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

Program Pemeriksaan Kesihatan (Health Screening Program) merupakan salah satu inisiatif Kementerian Kesihatan melalui Pusat-pusat Kesihatan yang megutamakan pencegahan dari rawatan. Melalui pendekatan ini, pengesanan awal penyakit-penyakit kronik terutama sekali Penyakit Kencing Manis, Penyakit Tekanan Darah Tinggi dan juga Penyakit Jantung dapat dikesan diperingkat awal. Kita, selaku warga Perkhidmatan Kesihatan disarankan untuk sentiasa mempromosi dan menyebarluaskan informasi mengenai Program-program kesihatan termasuk Program Pemeriksaan ini kepada masyarakat terutama sekali kepada ahli keluarga, sanak-saudara, sahabat-handai atau rakan sekerja yang berumur 40 tahun keatas. Kepentingan untuk mengadakan pemeriksaan kesihatan secara berkala dan teratur adalah penting bagi sama-sama meningkatkan kesihatan semua lapisan masyarakat. Berkunjung lah ke Klinik Pemeriksaan Kesihatan di Pusat-pusat Kesihatan berdekatan. Jururawat-jururawat terlatih akan memeriksa kesihatan abiskita dan merujuk, jika perlu, ke doktor atau pakar-pakar yang lain.

Sehubungan dengan itu, bagi sama-sama menjayakan Program Pemeriksaan Kesihatan Kementerian Kesihatan ini 'Agatah Bercheck' dan sama-sama kitani menuju 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'.

Sekian

وبالله التوفيق والهدایة

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pg Dr Hj Md Khalifah Pg Hj Ismail
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

ISU KALI INI

Dari Meja DGHS

Program Pemeriksaan
Kesihatan

Panduan Menyediakan
TPOR

*Visi
Kementerian Kesihatan
Bersama Ke Arah Warga Sihat*

PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN

Health Screening Program

1. Apakah yang dimaksudkan dengan pemeriksaan kesihatan (health screening) itu?

Pemeriksaan kesihatan (health screening) ialah ujian atau pemeriksaan yang dilakukan secara berterusan untuk membolehkan sesuatu penyakit dikesan pada peringkat awal bagi individu yang sihat dan tidak mempunyai tanda-tanda sesuatu penyakit.

Pemeriksaan sedemikian adalah penting bagi membuat rawatan yang bersesuaian seawalnya untuk mencegah daripada berlakunya komplikasi serta dapat memberikan kesudahan positif terhadap kualiti kehidupan dan status kesihatan individu berkeraan.

Pemeriksaan kesihatan ini dilakukan tertakluk kepada beberapa kriteria tertentu seperti berikut:

- Penyakit tersebut berpotensi untuk memberi impak yang serius pada semua peringkat (individu, masyarakat dan negara).
- Keadaan penyakit yang tidak mempunyai tanda-tanda atau *symptom* awal.
- Apabila sesuatu penyakit itu telah dikesan dan dirawat, ianya berkemungkinan meningkatkan tahap kesihatan individu tersebut.
- Ujian yang dilakukan adalah bersesuaian.

2. Apakah jenis-jenis pemeriksaan kesihatan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam?

Pemeriksaan kesihatan telah lama diperaktikkan di negara-negara lain terutamanya di negara-negara yang membangun dan mempunyai sistem kesihatan yang mantap seperti Penyaringan Kanser Pangkal Rahim dan Pemeriksaan Kesihatan bagi mengesan penyakit kronik.

Di Negara Brunei Darussalam, terdapat beberapa jenis pemeriksaan kesihatan yang diadakan. Ini bergantung kepada jenis penyakit yang disarang dan juga ujian yang sedia ada.

Diantara pemeriksaan kesihatan yang ditawarkan ialah seperti:

- Penyaringan Kanser Pangkal Rahim.
- Pemeriksaan kesihatan sebelum diambil bekerja (swasta atau kerajaan).
- Pemeriksaan kesihatan bagi kerja-kerja yang tertentu.
- Pemeriksaan kesihatan bagi penuntut yang akan melanjutkan pelajaran ke institusi tinggi.
- Klinik Kesihatan Wanita.
- Program Pemeriksaan Kesihatan.



3. Apakah Program Pemeriksaan Kesihatan (Health Screening Program)?

Program Pemeriksaan Kesihatan ini adalah salah satu inisiatif dan strategi Kementerian Kesihatan untuk mengurangkan kadar penyakit kronik dan kematian disebabkan oleh penyakit kronik dan penyakit-penyakit tertentu disamping itu meningkatkan tahap kesihatan masyarakat di negara ini.

Diantara penyakit-penyakit kronik yang dimaksudkan adalah seperti kencing manis, tekanan darah tinggi, penyakit jantung koronari, strok dan kanser (kanser pangkal rahim sahaja). Penyakit-penyakit ini merupakan punca utama kematian di Negara ini. Selain daripada itu Program ini juga membuat penyaringan bagi status kesihatan mata, mental dan mulut.

Penyakit kronik ini biasanya tidak mempunyai tanda-tanda awal.



4. Apakah tujuan Program Pemeriksaan Kesihatan?

Oleh kerana penyakit kronik biasanya tidak mempunyai tanda-tanda awal, tujuan program ini adalah untuk mengesan dan mencegah penyakit kronik di kalangan individu yang merasakan dirinya sihat terutamanya bagi mereka yang mempunyai faktor risiko yang tertentu seperti:

- Umur
- Keturunan (waris yang mempunyai penyakit kronik)
- Berat badan berlebihan
- Amalan cara hidup sehari-hari (permakanan, aktiviti fizikal, merokok)

5. Apakah objektif Program Pemeriksaan Kesihatan?

Objektif Program Pemeriksaan Kesihatan ini adalah untuk:

- meningkatkan kesedaran orang awam mengenai apa jua petunjuk (*indicators*) yang boleh mengakibatkan kepada penyakit kronik,
- memberikan pendidikan serta meningkatkan kefahaman mengenai keputusan pemeriksaan kesihatan bagi individu yang mengikuti program tersebut,
- meningkatkan pengetahuan mengenai amalan cara hidup sihat yang boleh memberi impak positif kepada kesihatan individu,
- membuat rujukan yang bersesuaian kepada lain-lain perkhidmatan yang sedia ada untuk mencapai tahap kesihatan yang dikehendaki.



6. Bilakah Program Pemeriksaan Kesihatan ini bermula?

Program ini telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, Menteri Kesihatan pada 11hb Mei 2013 di Pusat Kesihatan Sungai Liang, Daerah Belait. Program ini telah dilaratkan ke semua Pusat-pusat Kesihatan yang lain bermula pada bulan Februari 2014 secara berperingkat-peringkat.

7. Siapakah yang dapat mengikuti Program ini?

Program ini dibuka kepada semua Warganegara dan Penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur 40 tahun ke atas dan tidak mempunyai perjanjian penyakit kronik dengan doktor di Pusat Kesihatan atau Klinik Pakar Hospital.



8. Siapakah yang dikecualikan dari mengikuti Program ini?

Individu yang dikecualikan daripada mengikuti Program ini ialah:

- Individu yang sudah mempunyai perjanjian berterusan dengan doktor bagi penyakit kronik.
- Wanita yang mengandung.

9. Adakah program ini akan dikenakan bayaran?

Tidak ada bayaran dikenakan bagi sesiapa yang ingin mengikuti program ini.

10. Bagaimanakah cara untuk mengikuti Program Pemeriksaan Kesihatan ini?

Individu yang ingin mengikuti Program ini bolehlah hadir ke Kaunter Pendaftaran di Pusat Kesihatan yang berdekatan mengikut kawasan tадahan tempat tinggal masing-masing semasa waktu pejabat.

Setiap individu juga akan diberikan tarikh bagi menjalani ujian darah tertentu dan tarikh perjanjian dengan Jururawat Pemeriksaan Kesihatan (*Health Screening Nurses*).

11. Siapakah yang menjalankan Program Pemeriksaan Kesihatan?

Program Pemeriksaan Kesihatan ini dijalankan oleh jururawat-jururawat khusus yang telah dilatih bagi mengendalikan Program ini mengikut tatacara yang telah disediakan untuk memastikan pengurusannya adalah konsisten dan berjalan dengan lancar.



12. Apakah jenis-jenis pemeriksaan dan khidmat yang akan diberikan?

Individu yang mengikuti Program ini akan diberikan khidmat dan menjalani pemeriksaan tertentu seperti berikut:

- Soalan-soalan yang berkaitan dengan status kesihatan akan dikemukakan.
- Pemeriksaan Berat Badan.
- Pemeriksaan Tekanan Darah.
- Pemeriksaan Tahap Gula dalam Darah.
- Pemeriksaan Tahap Kolesterol.
- Khidmat nasihat dari Jururawat Pemeriksaan Kesihatan.
- Jika diperlukan, akan dirujuk kepada doktor atau pakar, mengikut keputusan pemeriksaan yang telah diperolehi.

13. Apakah yang berlaku kepada individu tersebut selepas Pemeriksaan Kesihatan?

- Jika keputusan pemeriksaan didapati *normal*, individu tersebut akan diberikan nasihat mengenai amalan-amalan cara hidup sihat. Mereka juga akan diberikan perjanjian seterusnya sama ada dalam masa 1 atau 3 tahun tertakluk kepada faktor risiko masing-masing yang telah dikenalpasti. Ini adalah untuk memastikan penjagaan kesihatan diberikan kepada setiap individu ini berlanjut.
- Jika keputusan pemeriksaan adalah sebaliknya, individu tersebut akan dirujuk kepada doktor atau ahli profesional kesihatan lain yang bertauliah seperti pegawai permakanan dan Klinik Berhenti Merokok untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pengurusan kesihatan dari berbagai aspek.

14. Jika sekiranya terdapat individu yang bukan warganegara Brunei Darussalam ingin mengikuti Program ini, adakah mereka akan diterima?

Program ini diberikan khusus untuk warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam. Walaubagaimanapun, sekiranya individu yang bukan warganegara Brunei Darussalam yang ingin mengikuti program ini, mereka bolehlah membuat pendaftaran seperti biasa untuk berjumpa dengan doktor di Pusat-pusat Kesihatan dibawah tадahan masing-masing.

15. Bagi individu yang berumur dibawah 40 tahun yang ingin mengikuti Program ini, adakah mereka akan diterima?

Program ini diberikan khusus untuk warganegara dan penduduk tetap yang berumur 40 tahun keatas. Walaubagaimanapun, sekiranya individu yang berumur dibawah 40 tahun untuk ingin mengikuti program ini, mereka bolehlah membuat pendaftaran seperti biasa untuk berjumpa dengan doktor di Pusat-pusat Kesihatan dibawah tадahan masing-masing.

16. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Kesihatan yang terdekat.

'Agatah Bercheck'